

KONSEP HATI MENURUT AL-GHAZALI

Muhammad Hilmi Jalil¹, Zakaria Stapa¹, Raudhah Abu Samah¹

*1 Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia.*

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan konsep hati menurut al-Ghazali yang terdapat dalam karya masyhurnya *Ihya' Ulumuddin*. Dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan, penulis menemukan bahawa dalam karya tersebut, al-Ghazali menjelaskan bahawa konsep dan fungsi hati tidaklah sama seperti yang difahami oleh orang awam yang menganggap hati hanyalah sebagai alat yang mengumpulkan segala jenis perasaan. Konsep hati menurut beliau adalah lebih berbentuk kerohanian yang mana hati adalah unsur yang bersifat ketuhanan (*rabbaniyyah*), bertujuan kepada ilmu dan berbolak-balik sifatnya. Oleh itu, kertas ini bertujuan untuk membincangkan konsep hati menurut al-Ghazali.

Kata kunci: hati, manusia, qalb

PENDAHULUAN

Manusia adalah makhluk ciptaan Allah yang paling sempurna berbanding makhluk yang lain kerana dilengkapi tiga unsur utama iaitu jasmani, rohani dan nafsan (kejiwaan). Jasmani atau bentuk fizikal manusia terdiri daripada anggota badan yang zahir yang boleh dilihat dengan mata kasar, melalui proses perkembangan yang boleh diukur, mampu bergerak dan digerakkan serta bersifat material. Unsur rohani pula mempunyai ciri yang bertentangan dengan jasmani. Ia bersifat abstrak, multi dimensi iaitu tidak dibatasi ruang dan waktu dan menjadi penggerak utama kepada jasad manusia. Unsur ketiga disebut sebagai nafsan adalah satu unsur yang menjadi penghubung di antara jasmani dan rohani manusia. Unsur nafsan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-aql* (akal), *al-qalb*

(hati) dan *al-nafs* (nafsu). Di antara ketiga-tiga elemen nafsan ini, hati (*al-qalb*) bertanggungjawab dalam menolong, mengawal dan mengendali struktur dan elemen jiwa yang lain (Mujib & Mudzakir 2002).

Kalimah *qalb* (hati) disebutkan lebih kurang 168 kali di dalam al-Quran (Tajuddin, 2015). Menurut Mahrus (2009) seperti yang dipetik oleh Tajuddin (2015), penggunaan kalimah *qalb* di dalam ayat al-Quran adalah dalam pelbagai penjelasan dan konteks iaitu penjelasan tentang keyakinan atau keimanan, penjelasan kebolehan merasa seperti takut, sedih, gembira dan banyak lagi, penjelasan tentang ketenangan ketika berzikir kepada Allah dan penjelasan tentang kemampuan untuk berfikir dengan menggunakan akal (Tajuddin 2015).

Selain itu, di dalam hadis juga ada menyebut tentang kepentingan peranan hati dalam menentukan akhlak seseorang. Bahkan Rasulullah SAW menyifatkan bahawa baik atau buruk akhlak seseorang itu bergantung kepada hatinya dalam sabdanya:

وَإِنْ فِي الْجَسَدِ مُضِيْغَةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ
كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقُلُوبُ

(Bukhari, Sahih, Kitab al-Iman, Bab *Fadhl Man Istabra' li Dinh*, No. Hadis 52)

Yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya di dalam satu jasad ada seketul daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh anggota dan jika rosak maka rosaklah seluruh anggota. Ketahuilah, ia adalah hati.”

Menurut Ibn Rajab Hanbali yang dipetik oleh Mushtaq (2006), hati seperti di dalam hadis ini diumpamakan seperti raja kepada seluruh anggota badan iaitu tentera yang patuh dan taat. Sekiranya raja itu seorang yang baik akhlaknya, maka kesemua tenteranya juga berakhhlak baik. Namun, sekiranya raja itu buruk akhlaknya, maka kesemua tenteranya juga akan berakhhlak buruk. Kerosakan hati ini yang akan menyebabkan penyakit jasad dan penyakit jiwa (Mushtaq 2006).

Manakala, menurut al-Ghazali dan al-Muhasibi, hati adalah raja yang mengawal semua kegiatan yang berlaku pada roh, nafsu dan akal. Hati juga yang mengarahkan kelima-lima panca indera manusia sama ada untuk melakukan kebaikan atau keburukan (Abu Dardaa et al. 2014). Kesemua ini menunjukkan

bahawa hati amat penting dalam membentuk kekuatan dalaman dan luaran manusia. Maka, kertas ini akan membincangkan lebih lanjut tentang konsep hati menurut al-Ghazali.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu penyelidikan empirikal di mana datanya bukan dalam bentuk nombor (Noraini 2013). Bagi pengumpulan data, pengkaji menggunakan kaedah kajian kepustakaan di mana pengkaji mengumpul dan mencari data yang berkaitan di perpustakaan. Pengumpulan data dibahagikan kepada dua iaitu data primer dan skunder. Sumber data primer adalah kitab *Ihya' Ulumuddin*, manakala sumber data sekunder adalah buku, jurnal, majalah, kertas kerja, akhbar, latihan ilmiah, disertasi, tesis, risalah, laman web serta apa-apa sahaja bentuk maklumat yang berguna dan mampu membantu untuk mencapai objektif kajian.

Setelah data dikumpul, dijalankan pula proses analisis data. Pengkaji menggunakan pendekatan analisis kandungan dalam penganalisan data yang melibatkan pembacaan, pemahaman serta penafsiran maklumat atau data yang dijumpai secara cermat dan mendalam untuk memperoleh pengertian dan makna yang sejelas mungkin daripada isitlah atau tema yang dikaji, bukan hanya deskripsi mengenai maklumat atau data yang diperolehi.

HASIL KAJIAN

DEFINISI HATI

Hati berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *qal-bun* yang bermaksud jantung. Hati menurut Kamus Dewan adalah organ dalam badan yang berwarna perang kemerah-merahan di dalam perut di bahagian sebelah kanan yang berfungsi mengeluarkan hempedu, mengawal kandungan gula dalam darah, menyembuhkan kesan keracunan nitrogen, menghasilkan urea dan menyimpan glikogen. Hati menurut Kamus Dewan juga adalah jantung (Kamus Dewan 2010). Begitu juga di dalam Macmillan English Dictionary, hati bermaksud jantung iaitu organ yang berada di dalam badan yang mengepam darah yang terletak di kawasan dada (Hoey 2006).

Walau bagaimanapun, hati menurut al-Ghazali dalam karyanya agungnya iaitu *Ihya' Ulumuddin*, dibahagikan kepada dua definisi. Pertama, definisi hati

sebagai hati fizikal iaitu daging yang berbentuk seperti buah shanaubar (bentuk bundar memanjang) yang terletak di bahagian kiri dada yang mana di dalamnya terdapat rongga-rongga yang menyalurkan darah hitam dan berperanan sebagai sumber nyawa manusia. Definsi hati yang pertama ini wujud pada haiwan dan juga pada manusia yang telah mati (al-Ghazali 1998).

Keduanya, ditakrifkan hati sebagai hati spiritual sesuatu yang bersifat halus (*lathifah*) dan bersifat ketuhanan (*rabbaniyyah*). Hati dalam definisi kedua ini menggambarkan hakikat diri manusia yang mana hati berfungsi untuk merasai, mengenali dan mengetahui sesuatu perkara atau ilmu (al-Ghazali 1998). Menurut al-Ghazali lagi, hati fizikal amat berkait rapat dengan hati spiritual. Namun, beliau tidak mengulas panjang berkenaan hubungan hati fizikal dengan hati spiritual kerana itu termasuk di bawah ilmu mukasyafah.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa definisi hati menurut al-Ghazali adalah suatu elemen yang bersifat halus dan bersifat ketuhanan yang tidak nampak dengan mata kasar dan amat berperanan penting di dalam menganalisis sesuatu perkara atau ilmu yang diperoleh. Firman Allah SWT dalam Surah al-Araf: 179 yang bermaksud:

‘Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk mereka neraka jahannam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati tetapi tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata tetapi tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga tetapi tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); merek itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.’

Jelas dalam ayat ini, hati adalah elemen penting yang perlu dibangunkan dengan cara ‘melihat’ dan ‘mendengar’ dan mengambil pengajaran daripada apa yang dilihat dan didengar. Jika elemen ini tidak dibangunkan, khalifah di muka bumi tidak berkewujudan kerana manusia hanya seperti binatang ternak pada saat itu (Mohd Yusof Hj Othman 2013).

TUJUAN PENCIPTAAN HATI

Sesungguhnya hati adalah elemen kejiwaan yang dianugerahkan Allah kepada manusia dan hati adalah antara elemen paling penting di antara elemen-elemen lain seperti yang telah disebutkan awal tadi. Oleh yang demikian, Allah

menciptakan hati kepada manusia bukanlah untuk disia-siakan tetapi untuk digunakan sebaik mungkin supaya hati itu mendekati Allah SWT (al-Ghazali 1998).

Seperti mana kuda diciptakan Allah bertujuan untuk memudahkan kerja mengangkat bebanan yang berat dan pantas berlari di medan perang, begitu juga hati manusia diciptakan Allah dengan bertujuan. Tujuan utama penciptaan hati adalah untuk menerima dan memahami ilmu dan kebijaksanan (al-Ghazali 1998). Ilmu amat penting untuk semua manusia bahkan wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w adalah tuntutan untuk menuntut ilmu dengan membaca. Firman Allah SWT daripada Surah al-'Alaq: 1-2 yang bermaksud:

‘Bacalah! Dengan nama Tuhanmu yang menciptakan!’.

Apabila seseorang itu berilmu dengan ilmu agama yang sahih, kedudukannya di sisi Allah berbeza dengan seseorang lain kerana ilmu boleh meningkatkan ketakwaan individu terhadap Allah dan membawa keseimbangan dalam hubungan manusia dan alam sekeliling (al-Ghazali 1998). Oleh yang demikian, kesan ilmu mampu membersihkan hati dari keburukan, menjernihkan fikiran, menunjukkan perkara yang baik dan buruk serta menunjuki jalan ke syurga. Paling penting, ilmu tersebut mesti dibuktikan dalam ibadah, amalan, tindakan dan nilai-nilai murni berpandukan syariat Islam (Nor Faridah 2013).

JENIS-JENIS TENTERA HATI

Hati ibarat ‘raja’ dan tentera ibarat ‘pelayan’ dan ‘pembantu’ raja. Inilah yang dimaksudkan dengan tentera hati di mana ia membantu hati dalam memahami dan menganalisis sesuatu maklumat, kejadian atau perkara yang berlaku. Sesungguhnya bilangan dan hakikat tentera hati tidak diketahui oleh manusia kecuali Allah SWT yang menciptanya. Oleh itu, tidak layak bagi kita sebagai manusia untuk membahas bilangan dan hakikat tentera hati kerana ianya rahsia Allah SWT (al-Ghazali 1998).

Dalam Ihya' Ulumuddin, al-Ghazali menyatakan bahawa terdapat tiga jenis tentera hati iaitu tentera zahir, tentera batin dan tentera panjaga. Tentera zahir adalah tentera yang dapat dilihat dengan mata zahir iaitu tangan, kaki, mata, telinga, lidah dan anggota-anggota tubuh yang lain. Tentera batin pula adalah tentera yang tidak dapat dilihat kecuali dengan mata hati. Antara contoh tentera

batin ialah nafsu syahwat, marah, ilmu, kebijaksanaan dan pemikiran. Tentera batin sifatnya batin dan tempatnya juga batiniyah yang tidak dapat dilihat dengan mata zahir. Tentera penjaga pula adalah tentera yang berperanan menyimpan dan menjaga sesuatu maklumat yang diperoleh atau bentuk sesuatu objek setelah seseorang berjaya membayangkan bentuk sesuatu benda dalam dirinya sendiri (khayal) hasil daripada penglihatan dengan mata zahir. Kedudukan tentera penjaga ini ada pada tempat kedua-dua tentera yang telah disebut tadi iaitu di panca indera manusia yang lima untuk tempat zahiriah dan di rongga-rongga otak untuk tempat batiniyah. Ketiga-tiga tentera hati ini saling berkait antara satu sama lain bagi menganalisis dan kemudiannya memberi makna kepada apa yang ditanggapinya (al-Ghazali 1998).

Menyebut tentang tentera batin, dua tentera iaitu nafsu syahwat dan marah sesekali tunduk dan patuh pada hati sehingga sempurna perjalanan hati kepada destinasi yang dituju. Namun, pada waktu yang lain kedua-duanya memberontak dan mengingkari hati sehingga terputus perjalanan hati kepada destinasi yang dituju iaitu kebahagiaan yang hakiki. Oleh yang demikian, saat itu perlunya hati kepada tentera Allah atau disebut sebagai *hizbulah* iaitu ilmu, kebijaksanaan dan pemikiran untuk melawan nafsu syahwat dan marah. Hal ini kerana terkadang kedua-dua tentera tersebut adalah tempat terbit segala sifat tercela bagi manusia (al-Ghazali 1998). Nafsu syahwat dan marah jika tidak diurus dengan baik akan menyebabkan seseorang terus melakukan dosa dan maksiat lalu menjauahkan hati daripada Allah SWT. Sebagai mana firman Allah SWT dalam Surah al-Jatsiyah: 23 yang bermaksud:

‘Maka pernahkah kamu melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhannya dan Allah membiarkannya berdasarkan ilmu-Nya dan Allah telah mengunci mati pendengaran dan hatinya dan meletakkan tutupan atas penglihatannya? Maka siapakah yang akan memberinya petunjuk sesudah Allah (membiarkannya sesat). Maka mengapa kamu tidak mengambil pelajaran?’

Ternyata dalam ayat ini, nafsu adalah elemen yang terdapat dalam diri manusia yang menuruti segala kemahuan dirinya sehingga dia tunduk dan patuh kepada nafsu dan mengabaikan hatinya. Oleh yang demikian, manusia perlu mengawal kehendak nafsu syahwat dan marah dalam memastikan hati sentiasa cemerlang dan sampai kepada destinasi yang dituju iaitu keredhaan Allah SWT.

MUSUH HATI & RUANG-RUANG MASUKNYA MUSUH KE DALAM HATI

Sesungguhnya hati itu seperti benteng yang menghalang anasir negatif daripada masuk ke dalam diri manusia. Anasir negatif inilah yang menjadi musuh kepada hati dan menurut al-Ghazali, musuh hati adalah syaitan (al-Ghazali 1998). Sebagai mana firman Allah SWT dalam Surah YaaSin: 60 yang bermaksud:

‘Bukankah Aku telah memerintahkan kepada kamu, hai anak-anak Adam, bahawa janganlah kamu memuja syaitan?’

Jelas daripada ayat di atas ini, terdapat perintah Allah SWT bahawa wajib bagi manusia untuk menjaga diri dan hati daripada godaan syaitan. Oleh itu, dalam memelihara dan menjaga hati daripada dimasuki syaitan, wajib dijaga ruang-ruang yang memudahkan syaitan masuk ke dalam hati. Antara ruang-ruang yang dimaksudkan al-Ghazali adalah sifat manusia itu sendiri (al-Ghazali 1998).

Marah dan Nafsu Syahwat

Ruang pertama adalah marah dan nafsu syahwat. Apabila manusia itu marah, maka lemah dan binasalah akal. Pada saat inilah manusia membuka ruang untuk syaitan menguasai hatinya seolah-olah bola yang dilantun-lantun oleh syaitan (al-Ghazali 1998).

Dengki dan Rakus

Selain itu, dengki dan rakus juga adalah ruang untuk syaitan memasuki hati. Apabila manusia itu bersungguh dan rakus terhadap sesuatu perkara, maka tertutupnya hati daripada melihat kebenaran. Pada saat inilah ruang untuk syaitan masuk dan menyerang hati (al-Ghazali 1998).

Kenyang Daripada Makan

Kenyang daripada makan juga membuka ruang kepada syaitan untuk masuk ke dalam hati kerana apabila kenyang akan menguatkan lagi nafsu syahwat. Nafsu syahwat ini sebagai mana yang telah diketahui awal tadi adalah tentera hati yang terkadang tunduk kepada syaitan (al-Ghazali 1998). Bicara mengenai makan, al-Ghazali (1998) menyatakan bahawa berlebihan dalam makan akan membinasakan manusia kerana enam perkara:

1. Menghilangkan takut kepada Allah dari hatinya
2. Menghilangkan rasa kasihan kepada orang lain kerana menyangka mereka semua kenyang.
3. Terasa berat dari melakukan ketaatan sebagai hamba.
4. Apabila mendengar perkataan yang baik, tidak mempedulikannya.
5. Apabila dia memberi nasihat, tidak terkesan pada orang yang mendengarnya.
6. Mendarangkan banyak penyakit berbahaya.

Maka, amat penting bagi manusia untuk mengawal makan kerana apabila berlebihan akan mendarangkan pelbagai kemudaratuan luaran dalam dalam manusia sekaligus memberi kesan kepada akhlak manusia.

Terburu-buru

Terburu-buru juga membuka ruang kepada syaitan untuk masuk ke dalam hati. Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiya': 37 yang bermaksud:

‘Manusia itu diciptakan bersifat tergesa-gesa.’

Allah SWT juga berfirman dalam Surah al-Isra': 11 yang bermaksud:

‘Dan manusia itu adalah tergesa-gesa.’

Oleh yang demikian, jelas dalam ayat di atas bahawa tergesa-gesa adalah sifat manusia dan sekiranya tidak dibendung, akan memberi ruang kepada syaitan untuk masuk ke dalam hati dan seterusnya membisikkan kepada hati supaya membuat kesimpulan, keputusan atau pemerhatian yang terburu-buru (al-Ghazali 1998). Akhirnya, keputusan yang dibuat mendarangkan penyesalan kepada dirinya dan mudarat terhadap sekelilingnya.

Cintakan Dunia & Material

Cintakan dunia dan material seperti wang, harta benda dan perniagaan juga sifat manusia yang membuka ruang syaitan untuk masuk dan menyerang hati. Sebagai contoh, apabila manusia sentiasa merasa tidak cukup dengan wang yang ada dalam tangannya untuk melengkapkan keperluan rumah, nafsunya akan menghasut dirinya supaya ghairah untuk mencari wang bagi mencukupkan jumlah wang tersebut. Saat inilah syaitan memasuki hatinya untuk menuruti

kehendak nafsunya sendiri lalu jatuhlah martabat dirinya sebagai hamba Allah dan khalifah kerana kalah kepada godaan syaitan (al-Ghazali 1998).

Takut Kepada Kemiskinan

Apabila manusia takut kepada kemiskinan, maka sifat itu mencegah diri daripada membelanjakan harta ke jalan Allah dan bersedekah. Sedangkan Islam amat menganjurkan umatnya untuk bersedekah dan menginfakkan harta ke jalan Allah (Surah Saba': 39). Oleh yang demikian, sekiranya sifat takut kepada kemiskinan menetap di dalam hati manusia, nescaya terbukalah peluang dan ruang untuk masuk ke dalam hati dan menguasainya (al-Ghazali 1998).

Fanatik Mazhab dan Memandang Hina Kepada Lawan

Apabila seseorang terlalu fanatik kepada mazhab, akan timbul perselisihan pendapat terhadap pihak yang berlawan mazhab dan terkadang boleh terjadi penghinaan dan cacian kepada pihak lawan. Oleh yang demikian, apabila syaitan mendatangkan bisikan kepada manusia bahawa apa yang diperselisikan dan apa yang dihinakan itu adalah tindakan yang benar dan sesuai dengan fitrah kehidupan, maka manusia akan menyangka perbuatannya selari dengan syariat. Namun sebenarnya, tindakan itu adalah hasil godaan syaitan terhadap hatinya dan akhirnya merugilah manusia itu (al-Ghazali 1998).

Mengajak Orang Awam Memikirkan Tentang Zat Allah & Perkara-perkara Di Luar Batasan Akal Manusia

Apabila seseorang mengajak seseorang yang lain yang tiada asas agama yang kuat untuk memikirkan tentang zat, sifat-sifat Allah dan segala perkara yang di luar kemampuan akal manusia, akan membuka ruang dan peluang untuk syaitan masuk ke dalam hati seseorang. Akibatnya, akan timbul keraguan di dalam hati tentang asas agama atau wujud imaginasi yang tidak sepatutnya dibayangkan oleh manusia. Hal ini akhirnya menyebabkan manusia hampir jatuh ke lembah kekafir dan bid'ah. Oleh yang demikian, sifat manusia yang sedemikian ini perlu dijauhi supaya terpelihara hati manusia daripada diserang dan dimasuki syaitan.

Berburuk Sangka Sesama Muslim

Firman Allah SWT daripada Surah al-Hujurat: 12 yang bermaksud:

‘Hai orang-orang yang beriman! Jauhilah prasangka kerana sebahagian prasangka itu dosa!’

Jelas daripada ayat ini bahawa Allah memerintahkan manusia untuk menjauhkan hati daripada berburuk sangka kerana hasil daripada berburuk sangka adalah binasa. Maka, hati manusia akan diserang dan ditawan oleh syaitan apabila timbul persangkaan buruk dalam hati seterusnya membuatkan manusia suka untuk mengumpat dan bercerita keburukan manusia lainnya (al-Ghazali 1998).

Oleh yang demikian, ruang-ruang yang telah disebutkan oleh al-Ghazali sebentar tadi menunjukkan bahawa sifat manusia itu sendiri yang membuka peluang kepada syaitan untuk masuk dan menyerang hati. Namun, untuk hati melawan musuhnya iaitu syaitan, perlunya kepada zikir (mengingati Allah), istighfar dan taubat setelah menyedari bahawa hati sudah tersasar jauh daripada matlamat perjalanan yang sebenar iaitu untuk mencapai keredhaan Allah (al-Ghazali 1998).

SIFAT HATI & PEMBAHAGIANNYA

Hati itu sifatnya berbolak-balik iaitu apabila syaitan menguasainya dan mengajaknya kepada kejahanatan, lalu tersedarlah hati apabila malaikat memalingkannya daripada syaitan dan begitulah sebaliknya. Pada masa lainnya, apabila syaitan mengajak hati kepada kejahanatan, syaitan yang lain juga mengajak hati untuk melakukan kejahanatan yang lain. Begitu juga sekiranya malaikat mengajak mengajak kepada kebaikan, malaikat yang lain juga mengajak kepada kebaikan lain. Boleh jadi hati itu terkadang berbolak balik dalam melakukan di antara dua kejahanatan dan di antara dua kebaikan (al-Ghazali 1998). Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am: 110 yang bermaksud:

‘Kami bolak-balikkan hati dan pandangan mereka.’

Berbicara berkenaan berbolak-baliknya hati, al-Ghazali (1998) membahagikan hati kepada tiga jenis:

1. Hati yang bersih iaitu hati yang dibangunkan dengan keimanan dan ketaqwaan yang kukuh dan penuh dengan akhlak yang terpuji. Hati ini tidak akan mudah terpesona dengan ayat-ayat penipuan daripada syaitan. Hati

jenis ini setelah mencapai tahap cemerlang dan bersih daripada kebinasaan, maka akan melahirkan rasa syukur, sabar, takut (*khauf*), redha, tawakkal dan sebagainya. Hati inilah yang dihadapkan Allah seperti dalam firmannya dalam Surah ar-Ra'd: 28 yang bermaksud:

'Ketahuilah, bahawa hanya dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang.'

2. Hati yang kotor iaitu hati yang terisi dengan hawa nafsu, penuh dengan akhlak yang tercela dan mudah untuk dimasuki syaitan. Hati ini penuh dengan godaan syaitan dan hawa nafsu. Segala tindakan yang terzahir daripada manusia, adalah kesan daripada tunduknya hati kepada hawa nafsu. Hati ini tidak mengenali TuhanYa dan tidak pernah mahu menyembah-Nya.

Hati seperti ini terdapat dalam firmanNya dalam Surah al-Furqan: 43-44 yang bermaksud:

'Tiadakah engkau perhatikan orang yang mengambil kemahuan nafsunya menjadi tuhannya? Engkaukah yang menjadi penjaganya? Atau apakah engkau mengira bahawa kebanyakan mereka mendengar atau mengerti? Tidak! Mereka adalah sebagai binatang ternak bahkan lagi sesat lagi jalannya.'

3. Hati yang sentiasa berbolak-balik diantara kebaikan dan kejahanatan. Hati ini terkadang menjadi hati yang bersih yang cenderung kepada cinta Allah, keimanan, keikhlasan dan tawakal kepada-Nya yang mana akhirnya ia memberi ketengangan dan kebahagiaan kepada hati. Namun, pada masa lain menjadi hati yang kotor yang cenderung terhadap cinta kepada nafsu, keinginan, dengki, bangga diri dan membuat kerosakan di muka bumi yang mana ia menyebabkan kehancuran dan kebinasaan.

KESIMPULAN

Hati menurut al-Ghazali merupakan salah satu unsur yang mempunyai kelebihan iaitu sekiranya betul penggunaannya, akan menguntungkan seseorang. Namun, sekiranya digunakan dengan cara yang tidak selari dengan ajaran Islam, ia akan menjadi asbab kepada manusia untuk jauh daripada jalan Islam. Ia membawa peranan yang sangat besar kerana dengan hati bersih, manusia dapat

memahami ilmu, dapat mengenal Allah SWT seterusnya terpasak kepercayaan dan keimanan yang utuh dalam diri manusia. Walau bagaimanapun, hati mudah untuk diserang musuh iaitu syaitan sekiranya manusia yang membuka ruang kepada syaitan untuk masuk ke dalamnya. Untuk hati melawan kemasukan syaitan, perlunya kepada zikir (mengingati Allah), istighfar dan taubat. Hati itu secara fitrahnya bersifat berbolak-balik. Namun, untuk menetapkan hati itu pada kebaikan, manusia harus memilih untuk mendekatkan diri pada akhirat seterusnya dapat mencapai ketenangan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana membantu penyelidikan bertajuk: Model i-ESQ Dalam Membangunkan Modal Insan Masyarakat Islam di Malaysia (Kod Projek: FRGS/2/2013/SSI03/UKM//1) sehingga terbitnya makalah ini.

RUJUKAN

- Abu Dardaa, Salasiah Hanin Hamjah, Arena Che Kasim & Mohamad Zulkifli Abd Ghani. 2014. *Peranan Spiritual Terhadap Pembentukan Personaliti Menurut al-Muhasibi dan al-Ghazali*. Prosiding Bicara Dakwah kali ke-15: Pengurusan Dakwah Kontemporari. Hlm. 271-275.
- Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad ibn Ismail. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Bejrut: Dar Ibn Kathir.
- Fahrudin. 2012. *Hakikat dan Tujuan Hidup Manusia Menurut al-Ghazali*. http://file.upi.edu/Direktori/FPIPS/M_K_D_U/195910081988031-FAHRUDIN/konsep_manusia_al-ghazali.pdf [18 Mac 2016]
- Al-Ghazali. 1998. *Ihya' Ulumiddin*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Hoey, M. 2006. *Macmillan English Dictionary*. United Kingdom: Macmillan Publishers Limited.
- Kamus Dewan. 2013. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Haji Othman. 2013. *Sains dalam Maqasid Al-Quran*. Bangi: Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mujib, A. & Mudzakir, J. 2002. *Nuansa-nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Mushtaq G. 2006. *The Intelligent Heart, The Pure Heart*. London: Ta-Ha Publishers Limited.
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nor Faridah Mat Nong. 2013. Identiti Muslim: Pandangan Tariq Ramadan Dalam Pembentukan Masyarakat Islam Eropah. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.